

11 SEP 1996

PM: ANWAR UMUM KEPUTUSAN JAWATANKUASA KHAS ESOK

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata keputusan yang dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Umno hari ini akan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim esok.

"Ya, satu keputusan telah dibuat, kamu boleh tanya beliau (Anwar)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam Institusi-institusi Kewangan ke-17 di sini.

Anwar, yang mengiringi Perdana Menteri ke keretanya selepas jamuan itu, juga mengesahkan bahawa beliau akan membuat satu pengumuman esok.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, ditanya mengenai keputusan mesyuarat jawatankuasa itu yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri.

Selain Dr Mahathir, jawatankuasa itu dianggotai Anwar, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat dan tiga tokoh veteran parti -- bekas Setiausaha Agung parti Tan Sri Mustapha Jabar, bekas menteri Tan Sri Abdul Samad Idris dan bekas anggota parlimen dari Kedah Azahari Taib.

Ia membincangkan aduan mengenai salah laku dan amalan politik wang membabitkan calon bagi jawatan naib presiden, ketua wanita dan ketua pemuda semasa pemilihan parti bulan depan.

Mesyuarat hari ini adalah yang pertama bagi jawatankuasa itu yang diwujudkan semasa mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lepas memandangkan ada anggota Jawatankuasa Disiplin yang turut bertanding jawatan parti. --

BERNAMA

MAM AKD